


PENCAPAIAN DAN HALA TUJU SUBSEKTOR PERIKANAN (AGROMAKANAN)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

Sektor perikanan di Malaysia merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara khususnya bagi sektor pertanian agromakanan yang merupakan pembekal bagi sumber protein negara. Sektor ini turut menyediakan peluang pekerjaan bagi menjana pendapatan kepada lebih 145,596 nelayan dan pengusaha akuakultur. Sektor ini merangkumi perikanan makanan yang meliputi perikanan tangkapan, perikanan darat dan akuakultur serta perikanan bukan makanan yang terdiri daripada ikan hiasan dan tumbuhan aquatik. Perikanan tangkapan merujuk kepada aktiviti penangkapan ikan yang beroperasi di perairan perikanan Malaysia termasuk di laut lepas yang merupakan sumber utama pengeluaran ikan. Subsektor ini dibahagikan kepada perikanan penangkapan laut dan darat. Manakala perikanan darat meliputi aktiviti perikanan di sungai, tasik, anak sungai, kolam dan perairan lain selain daripada perairan laut, sama ada secara semula jadi atau buatan. Akuakultur pula melibatkan penanaman pelbagai spesies ikan dalam persekitaran yang dikawal.



Pada tahun 2023, prestasi pengeluaran sektor perikanan menurun kepada -5.5 peratus dengan jumlah pendaratan ikan adalah sebanyak 1.79 juta tan metrik (TM) berbanding 1.89 juta TM pada tahun 2022. Manakala, dari segi nilai sumbangan industri perikanan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.1 peratus daripada RM15.9 bilion pada tahun 2022 kepada RM16.5 bilion pada tahun 2023. Dari segi kadar pertumbuhan tahunan, pendaratan ikan pada tahun 2023 adalah antara yang terendah (-5.5%) sejak tahun 2019 dan semasa wabak pandemik COVID-19. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penyusutan hasil perikanan tangkapan dan

akuakultur. Pada tahun 2023, perikanan tangkapan mencatatkan pendaratan sebanyak 1.27 juta TM berbanding 1.31 juta TM pada tahun 2022, menyusut sebanyak -2.9 peratus. Pengeluaran akuakultur pula mencatatkan penurunan sebanyak -11.6 peratus kepada 506.9 ribu TM berbanding 573.7 ribu TM pada tahun 2022. Manakala, perikanan darat mencatatkan peningkatan dari 8,189 TM kepada 9,442 TM. Bilangan nelayan, bilangan penternak dan luas efektif masing-masing mencatatkan penurunan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Walau bagaimanapun bilangan vesel meningkat dari 48,605 unit kepada 49,173 unit pada tahun 2023.

Subsektor perikanan tangkapan memainkan peranan penting dalam menyediakan jaminan ketersediaan makanan. Kerajaan melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melaksanakan dasar untuk memastikan kelestarian stok perikanan. Namun, DOF berhadapan dengan cabaran penangkapan secara berlebihan, pemusnahan habitat dan aktiviti penangkapan ikan secara haram. Justeru, cabaran ini dapat diatasi melalui pelan pengurusan perikanan, kawasan perlindungan laut dan amalan yang mampan. Perikanan darat berpotensi tinggi menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa kerana terdapat pendaratan spesies ikan sungai yang bernilai tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan telah membantu menyediakan bantuan teknikal, latihan, sokongan penyelidikan, skim pembentukan dan insentif untuk mempromosikan pembangunan mampan dalam perikanan darat.

Subsektor akuakultur telah mengalami pertumbuhan dan pembangunan yang ketara sejak lima (5) tahun kebelakangan ini. Subsektor ini telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada industri perikanan global yang didorong oleh kesesuaian iklim dan persekitaran dalam negara. Subsektor ini menawarkan pelbagai spesies dan peluang bagi penternak meneroka pasaran baharu untuk meningkatkan pendapatan. Kerajaan menyokong aktiviti akuakultur melalui dasar, insentif serta sokongan teknikal dan penyelidikan termasuk amalan, teknik dan teknologi moden untuk meningkatkan kualiti air, kecekapan pengeluaran dan kualiti ikan.

Subsektor akuakultur diperkasa bagi mengurangkan kebergantungan sumber ikan negara melalui aktiviti perikanan tangkapan. Sejak tahun 2014 sehingga 2019, subsektor ini menyumbang di antara 20 peratus hingga 26 peratus penghasilan ikan berbanding 74 peratus hingga 80 peratus pengeluaran ikan melalui aktiviti perikanan tangkapan laut pantai dan laut dalam. Sehubungan itu, Kerajaan menyasarkan peningkatan hasil ikan daripada aktiviti akuakultur kepada 60 peratus untuk mengurangkan tekanan kepada permintaan sumber perairan semula jadi di samping meningkatkan pendapatan kumpulan sasar melalui subsektor akuakultur.

Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) memberi tumpuan khusus terhadap usaha mempertingkatkan sekuriti makanan negara. Pelaksanaan Binci Pertanian 2024 ini selaras dengan dasar yang menyokong aspirasi dan hala tuju sektor agromakanan untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi. Ia

sekaligus memacu pertumbuhan ekonomi selain mengutamakan sekuriti serta nutrisi makanan negara. Dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024, subsektor perikanan terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu perikanan tangkapan laut, perikanan darat dan akuakultur. Banci ini akan memberikan maklumat yang tepat mengenai struktur sektor perikanan secara holistik yang akan membantu Kerajaan mentranformasikan sektor ini seterusnya meningkatkan sosio ekonomi nelayan dan pengusaha akuakultur. Menghadapi cabaran dalam pengumpulan, analisis dan interpretasi data akan membentuk dasar dan program yang menyokong pertumbuhan dan pembangunan sektor pertanian di Malaysia.